

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penyuntingan merupakan proses yang wajib dilalui oleh setiap hasil filem setelah kerja penggambaran selesai dijalankan. Filem yang ditayangkan asalnya terdiri daripada unsur terkecil iaitu syot dan sekuen, dan melalui proses penyuntingan kesemua unsur ini disatukan sehingga terbentuk filem yang sempurna. Hal ini menyatakan betapa proses penyuntingan menjadi perkara dasar yang sangat penting dalam pembikinan filem. Andre Bazin menyatakan;

Penyuntingan bermaksud satu proses pemilihan dan penyusunan syot kepada sekuen dan daripada sekuen kepada filem. Setiap syot dalam filem seharusnya menyumbang kepada perwatakan plot cerita serta membina suasana (*mood*) dan

atmosfera. Namun, setiap syot tidak akan berfungsi sekiranya tidak melalui proses penyuntingan.¹

Penyuntingan akan mendukung peranan menterjemahkan naratif filem dan menyampaikan maksud naratif ini kepada khalayak. Setiap naratif filem mempunyai plot dan jalanan cerita yang dibangunkan untuk menyokong kepada satu maksud filem, walau seindah dan secantik mana pun pembinaan naratif sehingga ada upaya merentasi fungsinya sebagai naratif, ia masih berpegang kepada paksi asas iaitu bercerita.

Analisis terhadap teknik penceritan ini dibuat lantaran memandang kepada fungsi asas inilah iaitu setiap filem itu sebenarnya adalah satu cerita. Teknik penyuntingan mampu-upaya menyampaikan setiap plot dan bangunan naratif atau cerita ini kepada khalayak dengan amat sempurna. Andre Bazin sekali lagi menegaskan;

Konsep penyuntingan penting dalam menakrif ruang filem (*film space*) dan masa filem (*film time*). Pemotongan dari satu syot kepada satu syot yang lain boleh menghasilkan ilusi terhadap kesinambungan ruang dan masa. Misalnya dalam satu syot,

masa sesuatu adegan adalah tetap dan tidak berubah secara fizikalnya, tetapi daripada syot dengan syot yang lain, masa bebas sepenuhnya. Perhubungan di antara satu syot dengan syot yang lain boleh beralih dari apa-apa waktu kepada apa-apa juga waktu pun.²

Abad baru menyatakan dengan ketat kepentingan media dalam membentuk kehidupan manusia, dan filem serta televisyen adalah salah satu media yang konskrutif, dan paling penting dalam zaman informasi ini. Pengajian ke atas filem akan memberi ruang kepada pemahaman ke atas seluruh sistem pembinaan tamadun manusia tersebut kerana filem adalah media super padat; dari persoalan ringkas tentang kejadian harian hingga kepada visi masa depan. Hal ini disokong oleh Naim Hj. Ahmad dengan mengatakan filem merupakan seni yang akan menjadi media yang paling berkesan terutama jika dihasil dan digunakan dengan sistematik.³

Filem harus dikaji dan didekati untuk mengelakkan kita tersingkir daripada arus perdana media di mana filem dan televisyen menjadi begitu total sebagai alat komunikasi paling lengkap dan paling berjaya dalam membicarakan dan mengangkat tamadun manusia. Naim menambah, filem disifatkan sebagai 'mesin perakam

waktu' yang dapat diputar ke belakang untuk membawa seseorang pengkaji meneliti masa silam untuk mencari kebenaran dan kekuatan diri bagi membina masa kini dan masa depan yang lebih baik.⁴

1.2 Latarbelakang Kajian

Penyuntingan merupakan satu proses intelektual dalam menghasilkan satu teks filem yang genius dan total. Melihat kepada doktrin kepentingan aspek suntingan ke atas seluruh sifat sinematik itu, maka dirasakan satu kajian harus dilakukan khususnya ke atas filem-filem Melayu, dihasilkan secara terancang dan tersusun khususnya dalam aspek penyuntingan kerana filem yang besar (*a great total film*) bermula dari kerja penyuntingan.

Untuk mengkaji aspek penyuntingan dalam filem Melayu, maka sudah tentu satu kajian bersifat intertekstualiti diperlukan bagi membolehkan kajian tersebut bertebar dan dapat mengumpul konklusi yang padat dan tepat.

Meninjau konteks tempatan, sangat sedikit kajian berbahasa Melayu yang berusaha mendalami dan meneliti

tentang hal ehwal yang berkaitan dengan penyuntingan filem. Malah isu-isu yang berkaitan dengannya sama ada sejarah penyuntingan, teori penyuntingan, konsep praktik dan prinsip penyuntingan itu sendiri jarang kelihatan tersiar di media atau diperkatakan dalam seminar oleh pihak yang menceburi bidang ini. Jika pun ada, cuma memperkatakan tatabunyi sesebuah filem. Tatabunyi hanyalah salah satu kerja yang djalankan dibilik penyuntingan sedangkan banyak perkara lain sepatutnya disentuh.

Jabatan Pengajian Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, hanya terdapat satu kajian ilmiah yang menghampiri kajian ini iaitu 'Suntingan Filem: Satu Analisis Terhadap Refleksi Sinema dan Komposisi Filemik' oleh Mohammad Mahdi Abas, sesi 1998/99 iaitu dihasilkan oleh penulis sendiri. Namun latihan ilmiah hanyalah membuat kajian sepantas lalu tanpa ada kajian mendalam terhadap teori penyuntingan, sejarah penyuntingan dan konsep kerja praktik dan prinsip penyuntingan. Kajian ini juga langsung tidak menyentuh hal berkenaan patriotik. Sementara kajian di peringkat sarjana atau Doktor Falsafah masih belum dilakukan di Jabatan ini.

Pengkaji juga membuat tinjauan di beberapa buah universiti tempatan yang mengendalikan kursus filem dan penyiaran seperti Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan juga Universiti Teknologi MARA. Setakat kajian ini ditulis, masih belum ketemu kajian yang sehampir dalam ruang lingkup tajuk yang pengkaji jalankan.

Penyuntingan sebenarnya penting dalam dunia filem atau media lain yang menggunakan seluloid sama dengannya. Hampir tiada bahan bacaan atau kajian yang memperkatakan dengan serius tentang hal ini. Oleh itu, kajian ini mungkin boleh menyumbang sesuatu atau dianggap pemula dan katalis kepada kajian yang akan datang yang berkaitan dengan penyuntingan filem.

1.3 Permasalahan Kajian

Sinema Melayu sememangnya sudah kerap dikaji tetapi sering bertumpu kepada kajian bercorak biografikal iaitu mengkaji tokoh-tokoh besar seperti P. Ramlee, Hamzah Hussien, Jins Shamsuddin. Sebab itulah pemahaman dan pengertian tentang filem Melayu agak terbatas dan terhad khususnya amat kurang

perhatian diberikan ke atas pembinaan teori dan metodologi filem Melayu sehingga terasa filem Melayu begitu kosong nilai intelektual dan begitu terpinggir sifat leluhur ilmunya.

Melihat kepada seriusnya masalah kekurangan kajian ke atas pemikiran dan sifat-sifat teori filem Melayu adalah dirasakan perlu satu kajian seperti ini dilakukan bagi mengisi ruang kekurangan ini walaupun kajian ini tidak mampu memenuhi keseluruhan lompong tersebut.

Aspek penyuntingan merupakan satu proses penting dalam membentuk keseluruhan sinematik dan menentukan darjah naratif, seni dan ilmu di dalam filem. Ini kerana penyuntingan menyatakan keseluruhan filem termasuk membentuk dan menentukan kedudukan filem itu sama ada berjaya atau tidak sebagai satu seni dari segi intelektual pembikinannya. Malah penyuntingan mampu menyelamatkan kesilapan yang dilakukan semasa produksi berlangsung, seperti kata Dana H. Hodgdon;

The most important point we can make in this section on editing is that film editing is an integral part of the filmmaking process,

*along with scripting and shooting. All three must work together. The old saying, "we'll save it in the editing room," just does not hold true for any type of filmmaking.*⁵

Berdasarkan hal ini, kajian ini cuba menganalisis sejauhmanakah penyunting di Malaysia memberi tumpuan terhadap kerja penyuntingan dalam membikin filem dengan mematuhi teori penyuntingan seperti yang telah dinyatakan dalam bab dua.

1.4 Objektif Kajian

Menurut David Bordwell dan Kristin Thompson, kajian dalam bidang perfileman lebih tertumpu kepada cara mentafsir sesuatu filem masa kini tetapi kurangnya terdapat kajian yang secara mendalam dari segi estatik dan teknik pembikinannya.⁶ Dmytryk dilihat bersepakat dengan Bordwell dengan mengatakan;


*Today few people will deny that "The Film" and none can argue with the statistics, which show it to be, by long odds, the most popular art form in the world. However, many who try to analyze its power and appeal are brought up short by the collective nature of its creation.*⁷

Objektif atau matlamat utama kajian ini ialah menganalisis sejauh mana teori penyuntingan filem yang

dikemukakan oleh Griffith, Pudovkin, dan Eisenstein dipatuhi dan diaplikasikan dalam filem tempatan dan drama tv yang dipilih sebagai teknik penceritaan oleh pengarahnya. Teori penyuntingan yang dikemukakan oleh D.W. Griffith, V.I. Poduvkin dan Sergei Eisenstein (Teori ini diterangkan secara lanjut dalam bab dua), merupakan ideal pada zaman masing-masing bahkan sehingga kini masih menjadi panduan penyunting di Barat.

Daripada analisis ini akan diketahui sejauhmanakah pengetahuan dan amalan penyunting di Malaysia terhadap teori ini dalam menjalankan kerja penyuntingan. Seterusnya kajian ini dijangka mampu menjawab beberapa persoalan yang berkaitan dengan masalah penyuntingan, seperti mengapa sesuatu adegan itu gagal menimbulkan kesan kejutan kepada penonton sedangkan ianya satu adegan kemuncak atau adegan cemas dalam sesebuah sinema. Menimbulkan kesan kejutan penonton menjadi tali tarikan untuk terus memaku duduk penonton sehingga menemui titik penamatnya. Kajian ini akan cuba menemukan hubungan teori penyuntingan dengan sifat penceritaan dalam filem Melayu setelah menemui keputusan dalam analisis di atas, sama ada

penyuntingnya mematuhi teori penyuntingan, atau mengaplikasi sebahagiannya sahaja atau langsung tidak mematuhi teori ini. Secara dasarnya, objektif kajian boleh dilihat pada paparan rajah di bawah.



1.5 Rasional Kajian

Rasional kajian ini ialah melihat betapa teknik penyuntingan ini amat perlu dalam sesebuah sinema. Penghasilan kerja-kerja sinematik di dalam filem dan drama tv perlu dilakukan secara genius dan tersusun agar darjah kesampaian naratifnya tepat kepada khalayak atau rakyatnya seperti kata Pudovkin;

Editing is a selection, arrangement, and rearrangement of picture pieces of life, or sound and music-all brought together in rhythmic pattern to create both emotional satisfaction and beauty. From the successful coordination of these elements meaning is secured-, which is not, an end itself-but reflects the filmmaker's idea of life both exploited and implied. It is the art of film-making.⁸

Sesuatu naratif yang ingin disampaikan melalui media sinema mempunyai kesan bervariasi; tidak sama taraf, bergantung kepada bagaimana proses penyuntingan dalam sesebuah cerita itu dilakukan. Kadang-kadang cerita yang baik gagal setelah diskrinkan kerana cetecknya ilmu tentang bagaimana proses penyuntingan mampu berfungsi.

Rasional menganalisis tiga teori penyuntingan yang dikemukakan oleh ahli *theorist* pembikin filem terdahulu penting dalam mencari jalan ke arah teknik penyuntingan terbaik. Tiga tokoh ini merupakan pembikin filem agung yang meletakkan kredit penyuntingan ke garis paling cemerlang dalam zaman yang berlainan iaitu D.W. Griffith, Vsevolod Pudovkin dan Sergei Eisenstain.

D.W. Griffith yang terkenal dengan gelaran 'bapa kepada filem' merupakan manusia pertama meletakkan terminologi penyuntingan (*editing*) ke dalam filem dengan memperkenalkan *cut* melalui teori Empasis Dramatiknya iaitu *cutting to continuity, classical cutting* dan *thematic cutting*. Vsevolod Pudovkin pula kelihatan serasi dengan teknik penyuntingan konstruktif (realiti) dan ghairah menyatakan penyuntingan itu asas dalam sesebuah filem.⁹

Setiap negara bangsa yang merdeka harus memiliki cerita patriotiknya sendiri. Cerita ini biarpun dikatakan sebagai sebuah epik namun ia penting sebagai pemangkin kepada jati diri dan identiti kebanggaan rakyatnya. Melalui cerita sebeginilah rakyat kembali

boleh melihat sejarah perjuangan bangsanya dalam mendaulatkan bangsa dan negara ke tahap yang mampu dinikmati generasi kini. Rakaman sejarah yang likat dengan keperitan telah bertukar melimpahkan udara segar yang dihirup generasi kini mungkin mampu memudarkan ingatan kolektif terhadap sejarahnya yang lahir dari nafas sesak pejuang terdahulu sekiranya tanpa ada imbauan terhadap sejarah pejuang terdahulu. Dan filem adalah medium pilihan paling tepat untuk merealisasi usaha ini.

Sejak negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 hingga kajian ini dibuat, kurang daripada sepuluh buah filem bercorak patriotik dihasilkan. Mengikut senarai yang direkodkan di FINAS, daripada 365 buah filem yang telah ditayangkan (1932 hingga Jun 2002), hanya lapan buah sahaja bertema patriotik iaitu *Sarjan Hassan* (1958), *Seruan Merdeka* (1946), *Bukit Kepong* (1981), *Darah Satria* (1983) *Mat Salleh Pahlawan Sabah* (1983) *Matinya Seorang Patriot* (1984), *Wira Angkasa* (1987) dan terbaru *Leftenan Adnan* (2000).¹⁰

Penghasilan drama tv jika dilihat kepada jumlah penghasilannya berbanding filem, angkanya lebih besar.

Bertolak daripada sini sudah tentu sampai masanya satu kajian secara serius harus dilakukan demi melihat berlakunya peningkatan positif dari segi nilai dalam penghasilan filem bertema patriotik.¹¹

Pada Sergei Eisenstain pula, yang diakui sebagai pembikin filem agung, memperkenalkan montaj yang merupakan salah satu daripada cabang penyuntingan melalui lima jenis teknik penyuntingan montaj iaitu *metric, rhythmic, tonal, overtonal, dan intellectual montage.*¹²

Ketiga-tiga teori yang dikemukakan ini mempunyai merit yang mampu mencapai tahap tertinggi sekiranya mempunyai upaya mengaplikasikannya ke dalam filem dan drama tv serta menjadi rujukan kepada para penyunting filem di seluruh dunia sejak dahulu hingga kini.

Sementara itu membina sifat patriotik juga bukan kerja mudah bahkan harus dituntas dan digerakkan atas kesedaran bersifat nasionalisme yang tinggi bagi mendukung falsafah negara dan bangsa nampak kuat dan gagah bersemarak disanubari rakyat. Berdasar kepada

inilah tema patriotik ini dipilih menjadi kajian terhadap kerja-kerja penyuntingan ini.

1.7 Metodologi Kajian

Metodologi merupakan sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin dan sebagainya.¹³ Di sini, pengkaji menggunakan beberapa metodologi yang merangkumi kajian pengkaji iaitu memilih bahan dan subjek kajian, analisis filem, kaedah dan tatacara analisis bahan dan filem, serta pengumpulan dan menganalisis data.

Peringkat pertama setelah selesai membina tajuk dan rangka kajian ialah proses memilih bahan sebagai subjek kajian. Pengkaji memilih bahan berupa filem dan drama tv bertema patriotik telah dinyatakan dalam rasional kajian. Daripada lapan buah filem bertema patriotik mengikut senarai yang direkodkan di FINAS, (1932-Jun 2002), dua buah filem dipilih iaitu *Matinya Seorang Patriot* (1984) dan terbaru *Lefthenan Adnan* (2000). Rasionalnya, kedua-dua filem ini memenangi Anugerah Filem Terbaik dalam Festival Filem Malaysia. *Matinya Seorang Patriot* (1984) memenangi anugerah ini pada Festival Filem Malaysia ke-5 manakala *Lefthenan*

Adnan (2000) pada Festival Filem Malaysia ke-15. Drama tv pula memilih *Jiwa Perkasa* (1998) dan *Janji Merdeka* (1995) berikutan buah tangan pengarah terkenal yang telah memenangi beberapa anugerah filem iaitu Mahadi J. Murat dan Nurhalim Ismail.

Kaedah seterusnya ialah membuat analisis dengan cara menonton filem dan drama tv yang terpilih ini. Alat yang digunakan untuk menonton ialah komputer, cakera keras dengan pemain cakera padat 48X max dengan memakai perisian *media windows player*. Pengkaji mengira syot demi syot yang dipaparkan dan memperolehi bilangan jumlah keseluruhan syot atau pemotongan (*cutting*) dalam setiap bahan ini.

Kajian analisis filem dan drama tv dibuat secara *stop motion*. Kaedah ini sesuai kerana menurut Naim Hj Ahmad, analisis filem adalah satu kaedah di mana seseorang pengkaji itu menganalisis secara terperinci bingkai demi bingkai sebagaimana cara seorang linguistik mengkaji dan menganalisis bahasa dari unit terkecil sekali, dari morfem kepada fonem hingga kepada keseluruhan struktur yang membentuk sesuatu bahasa itu.¹⁴

Cara penandaan sesuatu syot atau Time Base Counter (TBC) terhadap visual atau footage filem dan drama tv memaparkan nombor syot yang durasinya untuk mudah dirujuk oleh pihak lain. Misalnya,

Syot 43

Durasi 00:04':20"- 00:05':22"

Daripada kaedah penandan tersebut dapat diketahui bahawa dedahan syot 43 ialah satu selama minit dua saat iaitu bermula pada TBC empat minit 20 saat dan berakhir pada TBC lima minit 22 saat. Cara menganalisis syot pula dibuat dalam rajah seperti contoh di bawah;

No.syot	TBC/Durasi	Diskripsi syot	Dialog/diskripsi visual
114	0:23':58"	<i>Long shot</i> Saiful dan adik-beradiknya di kilang.	Tiada dialog-Saiful dan adik-beradiknya di kilang papan milik syarikat bapanya, Hj. Shahban.
117	0:24':58"	<i>Long shot</i> kereta di jalan raya.	Tiada dialog-Kereta yang dipandu Yohanis mula mengalami masalah enjin, tersengguk-sengguk.

Nota: Syot 114 dan 117, masa dedahan syot 114 dan 117 ialah selama satu minit.

Melalui kaedah ini kita juga boleh memperolehi data bagi tujuan tertentu umpamanya statistik antara syot *close-up* dengan *long shot*. Statistik ini boleh digunakan untuk menngkaji tentang kegemaran dan ketelitian seorang pengarah terhadap sesuatu subjek yang dipaparkan.

Dalam analisis ini berlaku ketidakselarasan dari segi jumlah perkara yang dianalisis. Dalam bab tiga, terdapat sepuluh perkara yang menjadi praktik dan prinsip penyuntingan yang menjadi teknik penceritaan iaitu aksi, dialog, komedi, montaj, dokumentari imaginatif, idea filem, tatabunyi, suntingan piktorial, dan penyelarasan akal rasa. Analisis akan dibuat berdasarkan sepuluh perkara ini (yang merupakan initipati kepada teori penyuntingan tiga orang tokoh yang dinyatakan). Ketidakselarasan ini berikutan filem dan drama tv yang dikaji tidak memiliki semua perkara ini. Umpamanya, filem *Lefthenan Adnan* (2000) dan *Matinya Seorang Patriot* (1984) tidak terdapat adegan

komedi, dokumentari imaginatif dan dan beberapa perkara lagi. Begitu juga dengan drama tv.

Nota hujung

1. Bazin, Andre, 1967. *What is Cinema?* California: University of California Press, hlm. 165.
2. *Ibid.*, hlm. 167.
3. Naim Hj. Ahmad, 1995. *Filem Sebagai Alat dan Bahan Kajian*. Selangor: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia, hlm.7.
4. *Ibid.*.
5. Hodgon, Dana H. & Kaminsky, Stuart M., 1981. *Basic Filmmaking*. New York: Arco Publishing, Inc., hlm. 120.
6. Bordwell, Davis & Thompson, Kristin, 1973. *A Film Art: An Introduction*. The Nertherland: Mount & Co., N.V., hlm.202.
7. Dmytryk, Edward, 1984. *On Film Editing*. Boston: Focal Press, hlm.ix.
8. Madson, Roy Paul, 1973. *The Impact of Film*. USA: MacMilan Publishing Co., Inc., hlm. 39.
9. Monnogian, Haig P., 1996. *The Film-Maker's Art*. New York: Basic Books, Inc., hlm. 211-212.
10. Sumber rujukan ialah Perpustakaan FINAS. Jumlah 365 buah adalah filem yang telah ditayangkan daripada filem pertama dihasilkan pada 1932 iaitu *Permata di Perlimbahan* sehingga kajian dibuat iaitu Jun 2002. Filem semasa sedang kini ditayangkan ialah *Gerak Khas The Movie II*, *Idola*, dan *Mendam Berahi*. Jumlah ini tidak termasuk jumlah filem yang sedang dalam pembikinan (2 buah), dalam perancangan (10 buah), tayangan terhad (4 buah) dan filem yang tidak dapat ditanyangkan (8 buah). Sila lawat juga laman web <http://filemelayu.cjb.net>
11. Drama ialah satu hasil seni kreatif. Sebelum membicarakan kegiatannya di Malaysia, penerangan tentang bentuk drama perlu dilakukan terlebih dahulu. Menurut Rahman Bujang, konsep drama dibahagikan kepada lima iaitu, 1. Drama merupakan satu bentuk

seni yang bersifat dramatik, iaitu seni yang mengutamakan kesan dan tekanan emosi sebagai penambat, 2. Drama merupakan seni pengucapan, 3. Drama merupakan seni persembahan, 4. Drama merupakan seni tontonan, 5. Drama merupakan seni yang mencakupi penglibatan dan usahasama antara penggiat dan penggemar. Lihat juga, Rahmah Bujang, 1994. *Drama Melayu: Dari Skrip ke Pentas*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 2.

12. Mohammad Mahdi Bin Abas, 1998/99. "Suntingan Filem: Satu Analisis Terhadap Refleksi Sinema dan Komposisi Filemik". Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, hlm. 4.

13. *Kamus Dewan* (Edisi Ketiga) 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 887.

14. Naim Hj. Ahmad, 1995. *Filem Sebagai Alat dan Bahan Kajian*. Selangor: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia, Hlm. 21.